

### Statistik kes keganasan rumah tangga bagi daerah Seremban (2002-2003)

Bangsa	Jan-Julai 2002	Jan-Julai 2003
Melayu	65	50
Cina	40	25
India	80	72

Beliau menjelaskan, statistik ini merujuk kepada kes 323 KK (Kanun Keseksaan) yang melibatkan kecederaan tubuh badan, 506 KK yang melibatkan kes ugutan dan 427 KK untuk kerugian terhadap harta benda.

Lambat atau gagalnya sesuatu kes, jelas beliau, bergantung kepada sejauh mana mangsa atau pengadu memberi kerjasama.

"Terdapat kes mangsa datang membuat repot tengah malam, dipukul sampai berdarah, lalu dinasihatkan ke hospital. Setelah balik ke rumah dan didapati dua atau tiga hari tidak datang ke balai polis, pihak polis telah menghubunginya melalui telefon, jawapan yang diberi dia sudah berbaik dengan suaminya.

"Bagi pihak polis, bila ada repot maksudnya ada kes, sebab itu polis memerlukan kerjasama mangsa untuk mendapatkan percakapan mangsa atau saksi."

Bagaimanapun katanya, terdapat juga kes berlakunya keruntuhan rumah tangga disebabkan campur tangan polis. Dalam satu kes, hasil aduan isteri, suami telah dipanggil dan diberi kaunseling. Selepas dua atau tiga hari, si isteri memberitahu polis bahawa suaminya telah menceraikannya.

Si isteri dinasihatkan merujuk kes ke Mahkamah Syariah, tetapi kes 323 KK tetap berjalan. Situasi menyedihkan berlaku kerana kemungkinan mangsa tidak mahu datang ke mahkamah memberi keterangan sebab dia sudah bercerai, suami tidak menggangu lagi, menyebabkan proses perceraian gagal.

Kadang-kadang mangsa memberi keterangan berlawanan di mahkamah, umpamanya dalam keterangan kepada pihak polis, isteri mengatakan dipukul sebanyak lima kali, tetapi di mahkamah dia kata hanya dipukul sekali. Perkara begini berlaku sebab dia sudah berbaik dengan suaminya dan dia takut suaminya dipenjarakan.

Sementara itu, peguam syarie, Rubiah Jaafar berkata, tidak semua masalah yang dirujuk ke Mahkamah Syariah berakhir dengan perceraian.

Ini berikutan, kadang-kadang isteri datang membuat aduan kerana mahu suami melaksanakan haknya. Beliau mengambil contoh dalam masalah poligami, kadang-kadang isteri cuma mahu suaminya balik ke rumah, berlaku adil dan bukan untuk bercerai.

"Kadang-kadang isteri tua, bila terdengar suaminya lebih melayani isteri kedua, dia rasa hendak bercerai. Sebenarnya jika dilihat motif sebenarnya bukan bercerai, tetapi dia cuma mahu suaminya balik kepada dia seperti

biasa atau mengagih-agihkan hak dia dengan adil."

Beliau seterusnya memberitahu bahawa wanita mempunyai dua hak sebelum kahwin iaitu hak untuk memilih pasangan, dan hak untuk mengetahui dan mendalami ilmu perkahwinan.

Hak untuk wanita sebelum kahwin bermula daripada majlis pertunangan, itu adalah kontrak atau perjanjian untuk berkahwin. Jika kontrak diputuskan, dia ada hak dalam setiap kontrak yang dilakukan sama ada melalui bertulis atau lisan, ia masih punya hak untuk dipanjangkan, bermakna hak bermula sebelum berkahwin. Kalau berlaku pelanggaran pertunangan, sama ada perempuan atau lelaki mempunyai hak untuk menuntut ganti rugi dan membawa kes di mahkamah jika mereka sudi.

Dalam istilah ilmu perkahwinan, katanya, yang paling penting ialah perjanjian perkahwinan yang telah diikat. Istilah taklik atau perjanjian perkahwinan semasa akad nikah mesti diketahui.

Menurut beliau, setelah berkahwin isteri hanya perlu menyediakan dua hak untuk suaminya, iaitu hak untuk berhias untuk suami semata-mata dan hak untuk memberikan nafkah batin.

Manakala suami perlu menyediakan tempat tinggal yang selesa, makanan yang seumpamanya, pakaian, perubatan, perhubungan, setengah keluarga memperuntukkan rekreasi.

Jika suami berpendapatan rendah, adalah wajar isteri memohon setakat kemampuan suami. Tetapi sekiranya suami berpendapatan RM10,000 sebulan, dan memberi isteri sebulan RM50, itu adalah nafkah yang tidak sempurna kerana tidak mengikut adat. Dalam perundangan syarak, nafkah isteri daripada suami adalah 1/5 daripada pendapatan suami. Nafkah yang sepatutnya atau adatnya bagi setiap isteri adalah 1/5 daripada pendapatan suami.

Jika dalam perkahwinan terdapat anak daripada hubungan suami isteri yang sah, maka anak-anak wajib diberi nafkah, hak suami memberi nafkah pada isteri untuk menyara anak-anaknya.

Tambahnya, selain nafkah bulanan yang meliputi nafkah makan minum, sewa rumah, kenderaan, suami juga perlu memberi nafkah tahunan yang meliputi nafkah Hari Raya sebab perbelanjaan pada amnya lebih daripada hari-hari biasa.

Katanya, kebiasaannya isteri hanya memohon nafkah bulanan di mahkamah, jarang yang memohon nafkah tahunan. Sebenarnya terdapat peruntukan untuk nafkah tahunan. Segala-galanya dimohon mengikut adat seadanya.

Beliau mengingatkan, nafkah adalah wajib sama ada isteri bekerja atau tidak.

"Tetapi kebanyakan isteri bekerja redha membelanjakan wang mereka untuk kebajikan keluarga. Itu merupakan ibadat seorang isteri untuk memberi nafkah beliau kembali kepada keluarganya."

Beliau menyentuh istilah nusyuz bagi perempuan dan



Datuk Norhayati Omar

lelaki yang berkahwin. Nusyuz suami ialah tidak memberi nafkah, tidak menyediakan rumah, pakaian, keselamatan dan kasih sayang, manakala nusyuz isteri adalah tidak berhias dan tidak melayan suami.

“Jika isteri tidak masak, membasuh, mengemas rumah atau menjaga anak, itu bukan nusyuz. Terdapat suami mengatakan isterinya nusyuz dengan alasan isteri tidak masak.

“Jika suami mengatakan isterinya nusyuz sebab tidak masak, ia tidak dituduhkan nusyuz oleh mahkamah, sebab memasak, mengemas, menjaga anak adalah adat kaum Melayu, dan bukannya istilah perundangan Islam.

“Istilah nusyuz adalah istilah yang serius dalam hukum syarak. Nusyuz timbul jika ada pengaduan. Bila ada pengaduan, akan ada penyiasatan, dan kes dibawa ke mahkamah. Di mahkamah pula mesti ada saksi yang nampak isteri atau suami nusyuz.

“Kalau isteri nusyuz, suami mempunyai dua pilihan iaitu memaafkan kesalahan isteri dan memulaukan isteri di tempat tidur atau di rumah, tetapi ia tidak boleh berlarutan, mesti ada jangka masa.

“Nusyuz adalah perkataan am yang bermaksud ingkar mengikut hukum syarak. Jika suami tidak memberi nafkah kepada isteri dia telah nusyuz, isteri boleh meredhakan atau mengadu dan mendapatkan perintah mahkamah.

“Seorang suami tidak wajib memberi nafkah pada isteri yang nusyuz. Jika isteri nusyuz kerana tidak melayan suami di tempat tidur bermakna isteri tidak layak mendapat nafkah selagi ia nusyuz.”

Beliau seterusnya mengingatkan, sebelum membuat apa-apa perintah di mahkamah, sama ada di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah, setiap perkahwinan perlu didaftarkan. Jika tidak didaftarkan, maka semua hak yang sepatutnya diperoleh tidak berlaku dan tidak boleh dipanjangkan di mahkamah. Pendaftaran perkahwinan adalah asas pada hak suami atau isteri.

Nasihat beliau, segera buat aduan apabila timbul masalah dalam rumah tangga. Jangan tunggu selepas lima tahun masalah timbul, baru buat pengaduan.

“Kita harus ingat bahawa taklik dibuat semasa akad nikah adalah jika sekiranya suami saya tidak memberi nafkah dalam masa empat bulan berturut-turut, hukum syarak memberi kita kuasa masa empat bulan sahaja, tetapi masyarakat kita memerlukan masa empat atau lima tahun untuk membuat aduan. Selepas itu mereka komplek mengatakan Mahkamah Syariah lambat sebab mereka merasakan masalah sudah besar. Pengaduan mesti dibuat sebaik-baik masalah tidak dapat diselesaikan oleh kedua-dua pasangan.

“Faktor masa amat penting kerana jika kita minta pada mahkamah selepas nafkah tidak dibayar selama empat tahun, pendapat mahkamah ialah kita redha nafkah tidak dibayar.”

Menurut Rubiah, harta sepencarian bagi isteri tidak bekerja adalah sebanyak 1/3, tetapi jika isteri bekerja dan turut menyumbang atas kebajikan keluarga, dia mendapat 1/2 daripada harta sepencarian.

Sebelum memohon sesuatu perpisahan di mahkamah Syariah, nasihat Rubiah, pastikan permohonan yang dibuat tepat sama ada perceraian melalui persetujuan bersama, perceraian taklik, cerai fasakh atau khuluk.

“Sekiranya seseorang itu membuat permohonan cerai dalam enakmen yang salah, kesnya tidak dapat didengar.”

Sementara itu, Exco Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Norhayati Omar yang juga pengerusi MPWK Negeri Sembilan dalam ucapannya mengingatkan setiap orang mesti ada prinsip dalam diri untuk mengharmonikan keluarga mereka.

“Jika berlaku kes sumbang mahram, bakar isteri, pukul anak dalam keluarga, ia menunjukkan bahawa asas keluarga dicemari dan tentunya tidak harmoni.



Norhayati Omar (tiga dari kanan) dan sebahagian peserta yang hadir di majlis kempen kesedaran keganasan terhadap wanita: Alternatif penyelesaian melalui perspektif perundangan di Seremban baru-baru ini.

“Undang-undang negara adalah sebagai satu ingatan kepada kita supaya tahu jika melakukan kesalahan maka kita tidak boleh lepas daripada hukuman.”

Ketua Bahagian Majalah, Kumpulan Utusan, Maimunah Yusof pula berkata, perbuatan tidak sihat ini perlu dibanteras, tetapi sebagai anggota masyarakat sudah tentu tidak boleh meletakkan keselamatan mereka keseluruhannya kepada pasukan atau jabatan keselamatan semata-mata.

“Kita tidak boleh menyalahkan sesiapa jika perkara ini berlaku sekiranya kita tidak membanteras atau melaporkan kepada pihak bertanggungjawab.

“Tidak keterlaluan jika saya katakan kerana kurangnya ilmu lah menyebabkan ramai kaum wanita menyalahkan diri sendiri jika sesuatu perbuatan tidak sihat berlaku pada diri mereka.”

Isu keganasan rumah tangga, katanya, perlu dilihat dari perspektif keselamatan. Ia boleh diatasi jika wanita berilmu dan berharap peserta dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh melalui ceramah ini dengan didedahkan kepada kawan-kawan lain yang tidak berpeluang hadir.